

**Pemilihan Ketua Wanita Kepala Batas Diadakan Semula Rabu Ini
Bernama
13 Oct, 2013**

KEPALA BATAS, 13 Okt (Bernama) -- Pemilihan ketua wanita UMNO bahagian Kepala Batas akan diadakan semula di Dewan Wisma UMNO di sini pada 16 Okt ini selepas Zabariah Wahab dan pencabarnya Rokiah Bee Hassan memperoleh undi yang sama.

Masing-masing memperoleh 192 undi setelah pengiraan undi berakhir lewat Sabtu malam.

Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan bahagian berkenaan, Datuk Yahaya Hamid berkata keputusan untuk mengadakan pemilihan semula bagi jawatan itu dibuat selepas pengiraan undi yang dilakukan sebanyak lima kali memperoleh keputusan yang sama.

"Selepas perbincangan, semua pihak bersetuju untuk mengadakan semula pemilihan bagi jawatan Ketua Wanita pada Rabu, 16 Okt pukul 8 malam di Dewan UMNO Kepala Batas," katanya kepada pemberita di Kepala Batas, Ahad.

Pemilihan Ketua Wanita UMNO Bahagian Kepala Batas Sabtu dijalankan di Dewan Kompleks Budi Penyayang.

Sementara itu Zabariah yang juga Ketua Wanita UMNO Pulau Pinang berkata beliau menyerahkan keputusan untuk memilih siapa ketua wanita bahagian itu kepada perwakilan.

"Saya akan terima apa sahaja keputusan yang dibuat perwakilan wanita di Kepala Batas," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, pemilihan 32 jawatankuasa sayap parti di Terengganu menyaksikan kesemua calon yang memenangi jawatan Ketua Pemuda, Naib Ketua Pemuda, Ketua Puteri dan Naib Ketua Puteri di semua lapan bahagian di negeri itu dibarisi 100 peratus muka baharu.

Bagi jawatan Ketua Wanita dan Naib Ketua Wanita pula, dari 16 calon terpilih, hanya lima muka lama manakala 11 lagi yang menang ialah calon muka baharu.

Lima muka lama yang menang ialah Datuk Fatimah Hamat (Hulu Terengganu), Toh Puan Zaitun Mat Amin (Marang), Zainun Abu Bakar (Dungun), Senator Rohani Abdullah (Kemaman) dan Faridah Akmal A Latif (Naib Ketua Dungun).

Ia juga menyaksikan sedikit kejutan apabila beberapa tokoh calon orang lama yang pernah terpilih sebagai calon Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) pada pilihan raya umum tewas pada pemilihan kali ini.

Antaranya ialah calon Ketua Pemuda Marang, Zaidi Muda yang tewas di tangan Jasmira Othman. Pada pilihan raya umum ke-13, Zaidi adalah calon DUN Bukit Payong.

Begitu juga dengan Nordiana Shafie yang tewas kepada Rozalina Mokhtar dalam merebut Ketua Wanita Bahagian Kuala Terengganu.

Nordiana sebelum ini ialah Ketua Pergerakan Puteri UMNO negeri yang terpaksa melepaskan jawatan itu berikutan melebihi had umur 40 tahun adalah calon bagi DUN Batu Buruk pada

pilihan raya umum lepas.

Calon Ketua Wanita Kuala Nerus, Toh Puan Ruby Sabariah Mohammad Yusof yang juga isteri kepada calon Ketua UMNO Bahagian Kuala Nerus, Datuk Mohd Nasir Ibrahim Fikri juga gagal memenangi jawatan apabila tewas kepada Norhayati Ismail.

Satu-satunya calon Ketua Pergerakan Puteri di Terengganu yang layak bertanding pada pemilihan kali ini iaitu Asfalinda Anuar (Kemaman) juga gagal mempertahankan jawatan apabila tewas kepada Shaheda Jusoh.

Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan negeri, Datuk Muda Mamat berkata keputusan itu menunjukkan kehendak perwakilan sendiri yang mahu memilih muka baharu sebagai pemimpin sayap parti dan mencerminkan proses meremajakan UMNO.

Dalam perkembangan sama, Muda berkata beliau berpuas hati dengan proses pemilihan jawatankuasa peringkat sayap yang berlangsung apabila 99 peratus keluar mengundi di lapan bahagian di Terengganu.

Sebanyak 13,756 anggota UMNO iaitu perwakilan Wanita (5,098), Pemuda (4,927) dan Puteri (3,731) Terengganu membuat penentuan pemimpin pilihan masing-masing.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985346>